

03 SEP 1996

Mahathir-PPP

JANGAN SERTAI BN JIKA TIDAK BOLEH TERIMA PERJUANGANNYA

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata adalah lebih baik bagi sesebuah anggota komponen Barisan Nasional (BN) supaya tidak menyertai BN jika ia tidak boleh memahami atau menerima konsep dan falsafah perjuangannya.

"Saya berpendapat mana-mana parti yang menjadi anggota komponen BN sudah tentu memahami konsep dan falsafah perjuangannya kerana kita bergerak atau bertindak secara berpasukan," katanya ketika merasmikan perhimpunan agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (Baru) (PPP) di ibu pejabat Parti Gerakan di Cheras di sini hari ini.

Dr Mahathir sebagai Pengerusi BN berkata adalah menjadi tanggungjawab setiap parti komponen BN dan anggota-anggota parti mereka untuk menjaga nama baik ikatan dan perpaduan dalam parti.

Katanya para anggota komponen BN hendaklah sentiasa bertindak secara harmoni dalam menangani sebarang masalah atau membuat apa-apa keputusan.

Dr Mahathir berkata: "BN tidak mahu melihat sesebuah parti komponen yang tidak berpuas hati terhadap sesuatu perkara atau tidak bersetuju dengan pendapat majoriti, pergi ke khalayak ramai yang tidak ada hubung kait dengannya untuk menyatakan pendiriannya dan cuba mendapatkan sokongan atau simpati."

Tindakan demikian bukan sahaja menjejaskan imej baik BN sebagai tunggak kerajaan bahkan merosakkan perpaduan rakyat, katanya.

Menurut Perdana Menteri, penyelesaian atau perbincangan apa-apa masalah yang melibatkan keluarga anggota komponen secara dalaman akan menghalang orang luar daripada terseret masuk atau campur tangan dalam urusan BN.

Katanya, sudah banyak perkara yang menjadi "duri" dalam hubungan parti-parti komponen diselesaikan dengan baik tanpa perlu diheboh kepada dunia luar.

"Soal bahasa, hak Bumiputera, agama dan politik yang sering menjadi bahan sensitif kaum-kaum di negara ini selalu dibincangkan dalam suasana yang penuh persefahaman dalam BN," katanya.

Menurutnya, pendekatan itu membawa kepada kestabilan politik yang membolehkan negara membangun dengan pesat dan hasilnya semua rakyat mendapat faedah.

Sebaliknya, kata beliau, sesiapa pun termasuk yang menuntut hak tidak akan mendapat apa-apa jika kestabilan politik tidak wujud dan pembangunan tidak akan dihasilkan.

"Adalah lebih menguntungkan jika kita dapat sebahagian daripada hasil kejayaan yang tinggi daripada kita mendapat 100 peratus daripada kegagalan negara," tegasnya.

Dr Mahathir berkata BN mengamalkan demokrasi tulen dengan mencari konsensus bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi antara kalangan anggota komponen kerana dengan cara demikian ia dapat mengelakkan masalah dalaman atau yang melibatkan anggota komponen secara langsung atau yang boleh menjejaskan kedudukan mereka sebagai parti politik, daripada diselesaikan di luar BN.

Justeru itu, katanya, anggota-anggota BN tidak kelihatan bercakaran atau saling tuduh-menuduh di khalayak ramai apabila mereka mempunyai pendapat yang berbeza dalam apa juga perkara.

"Ini tidak seperti apa yang kerap berlaku di kalangan parti-parti pembangkang yang sering menggunakan media untuk menghentam sesama mereka. Baru-baru ini kita lihat bagaimana satu perikatan pembangkang saling

tuduh-menuduh dan kecam-mengecam antara satu sama lain hingga berlaku perpecahan," katanya.

"Mereka mendedahkan keburukan diri masing-masing seperti kata orang Inggeris 'washing dirty linens in public', dan inilah yang kita tidak mahu lihat berlaku kepada BN," katanya.

Dr Mahathir berkata keunikan BN ialah memberi kebebasan kepada semua anggota komponen untuk menyuarakan pendapat dalam sesuatu agenda, isu atau masalah dan mereka bebas melahirkan sokongan atau bantahan mereka terhadap apa-apa perkara yang dibangkitkan dalam mesyuarat-mesyuarat peringkat tertinggi BN.

Katanya, hanya yang dikehendaki ialah semua anggota BN merapatkan barisan dan mempertahankan apa yang telah dipersetujui bersama.

Dr Mahathir seterusnya berkata beliau gembira mendapati PPP semakin berkembang maju di bawah pimpinan Presidennya, Datuk M Kayveas yang ternyata menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan sebagai salah sebuah parti komponen BN yang mengambil berat terhadap masalah rakyat.

Terdahulu dalam ucapannya, Kayveas berkata PPP kini sudah bersedia dan berupaya menyumbang secara berkesan kepada proses pembangunan negara dan selaras dengan itu berharap Perdana Menteri dapat memberikan peranan yang sesuai kepada anggota parti itu di dalam struktur kerajaan pusat dan negeri.

Katanya, PPP terhutang budi kepada anggota keluarga BN kerana sokongan sepenuhnya daripada semua lapisan terhadap parti itu yang pada satu masa dahulu tertinggal di pinggir arena politik negara.

Hadir sama pada perasmian itu ialah Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu selaku Presiden MIC; Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik selaku Presiden Parti Gerakan; Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek yang juga Timbalan Presiden MCA; dan Setiausaha Agung BN Datuk Mohamad Rahmat yang juga Menteri Penerangan. -- BERNAMA

ZAB NHD NMO